

OTONOMI DAERAH DAN REAKSI PENDUDUK TEMPATAN TERHADAP UPAYA MENGHIDUPKAN SEMULA BUDAYA LELUHUR TIONGHOA DI KECAMATAN PADANG BARAT, PADANG

(Local Autonomy and Native Reaction to Revitalization of Chinese Culture in West Padang District, Padang)

Delpa bin Yunus & Rahimah Abdul Aziz

ABSTRAK

Pemerintahan orde reformasi telah memperkenalkan konsep otonomi daerah. Matlamatnya adalah untuk mendorong semua etnik di Indonesia membangkitkan kembali budayanya masing-masing. Secara tidak langsung otonomi daerah memberikan laluan mudah kepada kegiatan minoriti Tionghoa untuk menghidupkan semula budaya leluhur yang sekian lama terkubur. Sehubungan dengan itu, minoriti Tionghoa di Kecamatan Padang Barat mula giat menghidupkan semula budaya mereka. Seiring dengan itu muncul reaksi dan isu penerimaan oleh sesetengah penduduk tempatan terhadap budaya Tionghoa sehingga telah menghambat upaya menghidupkan semula budaya berkenaan. Objektif kajian ini mengenalpasti sejauhmana kewujudan otonomi daerah boleh memberikan laluan mudah kepada orang Tionghoa Padang untuk menghidupkan semula budaya warisan nenek moyang. Kajian mengambil pendekatan kualitatif. Kaedah pemilihan informan menggunakan *snowball*. Manakala kaedah pengumpulan maklumat menggunakan kaedah temubual mendalam terhadap informan. Kajian dijalankan di Kecamatan Padang Barat, bandar Padang, Sumatera Barat, Indonesia. Temuan kajian mendapati bahawa upaya menghidupkan semula budaya Tionghoa berhadapan dengan masalah stereotaip dan prasangka. Masalah stereotaip dan prasangka terlihat dengan adanya persepsi yang menyatakan budaya Tionghoa mengandungi fahaman komunisme. Temuan kajian mendapati penduduk tempatan meyakini gerakan kebangkitan kembali budaya Tionghoa Padang boleh membangkitkan kembali ideologi komunisme. Boleh disimpulkan kedudukan orang Tionghoa Padang sebagai kumpulan minoriti difahami telah memberikan laluan mudah terjadinya stereotaip dan prasangka yang pula menghambat upaya mereka menghidupkan semula budaya leluhur mereka.

Kata kunci : minoriti Tionghoa, penduduk tempatan, menghidupkan semula, budaya leluhur, otonomi daerah

ABSTRACT

Government of the Reformation order has introduced the concept of local autonomy. Its objective is to encourage all ethnic groups in Indonesia to revitalize their respective cultures. Indirectly the local autonomy has provided an easy passage for the Chinese (Tionghoa) minority to revitalize its long- forgotten traditional culture. The Chinese minority in West Padang started to actively engaged in revitalization activity of their culture. However, such

activities have led to local reactions and problem of rejection that had subsequently hinder the ability to revitalize the culture. The objective of the research is to identify the extent local autonomy has provided easy passage for the Chinese in Padang city to revitalize their traditional culture. The research is based on qualitative approach. The informants were sampled using the snowball method. In-depth interview method was used to collect data and information. The research was conducted in West Padang District, Padang city, West Sumatera, Indonesia. The study found that the efforts to revitalize the Chinese culture are faced with problems relating to stereotypes and prejudices. This can be seen from such perception that Chinese culture consist of communist ideology. The natives believe that the revitalization of Chinese culture in Padang can lead to the revitalization of the communist ideology. It can be concluded that being a minority group in Padang has led to formation of stereotypes and prejudices that subsequently hinder the ability of the Chinese minority to revitalize their traditional culture.

Keywords : Chinese minority, native, revitalization, tradisional culture, local autonomy

PENGENALAN

Pemerintahan orde baru telah menguatkuasakan Instruksi Presiden nomor 14 tahun 1967 tentang pelarangan pengekal budaya Tionghoa di Indonesia. Suryadinata (1984), rezim kekuasaan Soeharto cuba menghentikan segala aktiviti yang berkaitan dengan ritual keagamaan, perayaan, bahasa Mandarin, kesenian dan penggunaan nama Tionghoa. Bahkan organisasi kecinnaan turut dibekukan. Pada masa yang sama, mereka juga kurang mendapatkan peluang aktif dalam bidang politik. Orang Tionghoa kurang mendapatkan peluang untuk bekerja sebagai kaki tangan kerajaan. Rezim kekuasaan Soeharto cuba menghapuskan segala bentuk yang berkaitan dengan kecinnaan di Indonesia sehingga mendorong lahirnya persepsi anti Tionghoa. Secara langsung dan tidak langsung kebijakan pemerintahan orde baru telah melahirkan masalah stereotaip dan prasangka terhadap budaya Tionghoa.

Masalah stereotaip dan prasangka dipersepsikan oleh penduduk tempatan di mana penduduk tempatan menilai budaya Tionghoa mengandungi fahaman komunisme. Masalah stereotaip dan prasangka ini kian bertambah kukuh apabila para askar TNI-AD telah menangkap ahli PKI asal Tionghoa. Pada masa yang sama, kedudukan orang Tionghoa sebagai minoriti telah memberikan laluan mudah terjadinya masalah stereotaip dan prasangka terhadap minoriti Tionghoa. Skinner (1963), populasi orang Tionghoa di Indonesia tahun 1962 mencapai 12 peratus. Seiring dengan itu pula, Schaefer (2003) menegaskan corak hubungan interaksi antara kumpulan minoriti dengan majoriti adalah tidak seimbang sehingga keberadaan minoriti cenderung berhadapan dengan masalah stereotaip dan prasangka.

Kebijakan pemerintahan orde baru telah meminggirkan keberadaan budaya minoriti Tionghoa. Manakala kaum remaja Tionghoa pula tidak lagi mendapatkan peluang mewarisi budaya secara berterusan. Kondisi ini menyebabkan eksistensi budaya Tionghoa beransur-ansur pupus. Di tengah berlangsungnya proses pemupusan, muncul kesedaran pemerintahan orde reformasi untuk memajukan budaya Tionghoa melalui Keppres nomor 6 tahun 2000 (Barton 2000). Kewujudan Keppres ini telah membawa perubahan baru terhadap sejarah perkembangan budaya Tionghoa di Indonesia. Budaya Tionghoa mula mengalami perkembangan pesat setelah adanya kebebasan menjalankan tradisi kecinnaan. Kebijakan

pemerintahan orde reformasi difahami cuba menghapuskan terhadap persepsi anti Tionghoa sepertimana yang berkembang semasa pemerintahan orde baru.

Perkembangan budaya Tionghoa kian bertambah maju apabila pemerintahan orde reformasi cuba memperkenalkan konsep otonomi daerah. Mengikut Damsar (2005), salah satu matlamat otonomi adalah cuba mendorong setiap etnik memajukan kembali budaya mereka masing-masing. Secara tidak langsung, kewujudan otonomi daerah boleh memberikan laluan mudah kepada orang Tionghoa untuk menghidupkan semula budaya leluhur. Sehubungan dengan itu orang Tionghoa di seluruh Indonesia mula giat melancarkan pelbagai aktiviti menghidupkan semula budaya leluhur. Majalah *ChinaTown* edisi 2013 mendedahkan tentang sejumlah aktiviti yang menjurus kepada upaya menghidupkan kembali budaya leluhur. Misalnya di Jakarta Pusat dijumpai adanya upaya menghidupkan kembali ritual keagamaan Cheng Beng oleh Yayasan Kapiten Souw Beng Kong. Selain dari itu, majalah ini juga mendedahkan upaya menghidupkan kesenian Wayang asal Sunda yang telah lama terasing di mana generasi muda Tionghoa tidak lagi mengenali keberadaan kesenian Wayang berkenaan. Seiring dengan adanya otonomi daerah maka kesenian Wayang Sunda ini cuba dibangkitkan kembali dengan cara melakukan kolaborasi dengan kesenian Wayang asal Tiongkok.

Konsep otonomi daerah cuba membangkitkan kembali keberadaan budaya Tionghoa dari keterpurukan. Namun gerakan kebangkitan semula budaya minoriti ini tidak terlepas dari pelbagai masalah. Kajian Salim (2006) mengkaji tentang otonomi daerah dan upaya menghidupkan kembali budaya Tionghoa di pulau Jawa. Salim mendapati hubungan interaksi antara orang Tionghoa dengan orang Jawa cenderung berkonflik kerana kedua etnik berkenaan memiliki stereotaip dan prasangka. Masalah stereotaip dan prasangka ini difahami telah menghambat upaya menghidupkan semula budaya Tionghoa. Bahrin (2003) mengkaji kebangkitan kembali budaya Tionghoa di Makassar mendapati orang Tionghoa di kawasan tersebut menghadapi masalah dalam menghadapi masalah untuk menghidupkan semula ritual keagamaan. Masalah tersebut terlihat dengan keterbatasan bahan rujukan tentang ritual keagamaan. Keterbatasan bahan rujukan ini telah menghambat upaya menghidupkan semula ritual keagamaan di kalangan Tionghoa Makassar.

Orang Tionghoa di bandar Padang juga berhadapan dengan masalah untuk menghidupkan semula budaya leluhur. Masalah ini terlihat dengan adanya stereotaip dan prasangka oleh penduduk tempatan terhadap budaya Tionghoa yang dianggap mengandungi fahaman komunisme. Meskipun matlamat otonomi daerah boleh memberikan kebebasan kepada orang Tionghoa di bandar Padang untuk menghidupkan semula budaya leluhur. Namun gerakan kebangkitan semula budaya Tionghoa di bandar Padang berhadapan dengan reaksi penolakan oleh sesetengah penduduk tempatan. Kajian ini cuba menganalisa sejauhmanakah kewujudan otonomi daerah boleh memberikan laluan mudah kepada orang Tionghoa di bandar Padang untuk menghidupkan semula budaya Tionghoa di bandar Padang.

OBJEKTIF

Kewujudan otonomi daerah telah memberikan kebebasan kepada orang Tionghoa untuk menghidupkan semula budaya leluhur. Namun masalah stereotaip dan prasangka oleh penduduk tempatan telah menghambat komuniti Tionghoa Padang untuk menghidupkan semula budaya leluhur. Objektif kajian ini untuk mengenalpasti sejauhmanakah otonomi

daerah boleh memberikan laluan mudah kepada orang Tionghoa untuk menghidupkan semula budaya leluhur di bandar Padang.

METODOLOGI

Kaedah kajian meliputi kaedah pemilihan informan, kaedah pengumpulan maklumat dan kaedah analisis maklumat. Kaedah pemilihan informan menggunakan kaedah *snow ball* di mana pengkaji boleh mendapatkan informan seramai mungkin bermula dari informan pertama dan berterusan kepada informan seterusnya (Neuman 2008). Pengkaji telah mendapatkan informan kajian seramai 10 orang di mana informan kajian berasal dari penduduk tempatan seramai 5 informan dan orang Tionghoa seramai 5 informan. Kaedah pengumpulan maklumat menggunakan kaedah temubual mendalam terhadap informan. Pengkaji juga menyediakan beberapa soalan semi-struktur yang berperanan sebagai pedoman dalam mengajukan soalan-soalan kepada informan. Memandangkan kajian ini menggunakan kaedah temubual mendalam maka kajian ini menggunakan kaedah analisis kualitatif. Mengikut Neuman (2008) kajian kualitatif cuba menghuraikan, menganalisa dengan mengutamakan hujahan menggunakan kata-kata dan tidak tertumpu kepada angka-angka seperti kaedah kuantitatif. Majoritinya orang Tionghoa bermukim di kawasan Padang Barat. Sehubungan dengan itu pengkaji memilih kecamatan Padang Barat sebagai lokasi kajian.

TEMUAN KAJIAN

a) Upaya menghidupkan semula budaya Tionghoa di bandar Padang

Pemerintahan orde baru telah memusnahkan keberadaan budaya Tionghoa. Orang Tionghoa di bandar Padang tidak lagi memiliki keberanian menonjolkan identiti mereka di tempat awam melalui ritual keragaman, perayaan, kesenian, bahasa Mandarin dan penggunaan nama Tionghoa. Segala bentuk yang berkaitan dengan tradisi kecinaan terpaksa disembunyikan. Hujah Erniwati (2007) bangunan tempat ibadah kelenteng terpaksa ditukar menjadi wihara agar orang Tionghoa Padang mendapatkan peluang melakukan ritual keagamaan secara sembunyi-sembunyi. Perayaan Tahun Baru Cina dan Tcap Goh Meh di kawasan Pecinaan berlangsung secara sederhana sehingga tidak lagi dijumpai perarakan dan persembahan barongsai di tempat-tempat awam. Orang Tionghoa Padang juga telah beransur-ansur meninggalkan aksara Mandarin di mana kebijakan tentang pelarangan penggunaan aksara Mandarin merupakan tindakan pelanggaran hak azazi manusia (Sadeli 1997). Orang Tionghoa Padang tidak lagi berani menonjolkan identiti kecinaannya di tempat awam. Suryadinata (1984) berhujah rezim kekuasaan Soeharto telah menghapuskan keberanian untuk menonjolkan identiti kecinaan kerana identiti kecinaan berkenaan sering dikaitkan dengan isu fahaman komunisme. Seolah-olah identiti kecinaan identik dengan peristiwa gerakan 30 September (G 30 S/PKI).

Seiring dengan adanya otonomi daerah maka orang Tionghoa di bandar Padang mula giat menghidupkan semula budaya leluhur. Orang Tionghoa di bandar Padang mula giat menghidupkan semula penggunaan nama Tionghoa. Mereka mula meninggalkan penggunaan nama Indonesia dan mula memberikan tumpuan kepada penggunaan nama Tionghoa. Temubual mendalam terhadap informan asal Tionghoa mendapati mereka mula memiliki keberanian menggunakan nama Tionghoa dalam urusan rasmi era pemerintahan orde

reformasi ini. Hujah Gunawan (2012), orang Tionghoa di bandar Padang sememangnya tidak memiliki keberanian untuk menampilkan penggunaan nama Tionghoa dalam urusan rasmi. Hadirnya konsep otonomi daerah telah menghilangkan rasa takut untuk menonjolkan identiti melalui nama dalam urusan rasmi. Temubual mendalam terhadap informan Tionghoa mengakui bahawa mereka telah berani menonjolkan identiti budaya melalui penggunaan nama Tionghoa dalam urusan formal. Sehubungan dengan itu orang Tionghoa di bandar Padang mula giat menonjolkan penggunaan nama dalam urusan apapun terutama dalam urusan birokrasi kerajaan. Boas (1940) nama memperlihatkan identiti budaya individu dalam sesebuah masyarakat. Hujah Agus (2006), tindakan penggunaan nama Tionghoa dalam urusan birokrasi formal sebagai pendekatan untuk membangkitkan kembali identiti budaya yang telah lama disembunyikan. Manakala kepada generasi Tionghoa yang dilahirkan di atas tahun 2000 dan seterusnya dialu-alukan agar mereka tidak lagi perlu menyediakan nama Indonesia kepada anaknya kerana mereka telah mendapatkan kebebasan menggunakan nama Tionghoa. Orang Tionghoa di bandar Padang tidak lagi perlu menggunakan nama Indonesia sepertimana yang dipaksakan oleh rezim kekuasaan Soeharto.

Pasca reformasi telah memberikan kebebasan kepada orang Tionghoa di bandar Padang menghidupkan semula ritual keagamaan. Temubual mendalam terhadap informan Tionghoa Padang mendapati mereka tidak menghadapi masalah dalam menghidupkan ritual keagamaan. Orang Tionghoa di bandar Padang telah mendapatkan peluang melakukan aktiviti pemujaan arwah leluhur di kelenteng See Hin Kiong tanpa mesti bersembunyi-sembunyi sepertimana yang biasa dilakukan dalam era pemerintahan orde baru. Bahkan pihak kerajaan bandar Padang juga telah merasmikan kewujudan kelenteng baru di kawasan Pecinaan. Penglibatan pihak penguasa Padang dalam memberikan izin mendirikan tempat ibadah ini sebagai petunjuk bahawa pemerintahan bandar Padang telah menerima keberadaan ritual keagamaan kaum Tionghoa di tengah masyarakat yang multikulturalisme.

Orang Tionghoa di bandar Padang tidak menghadapi masalah dalam menghidupkan kembali ritual keagamaan. Berbeza di Makassar di mana minoriti Tionghoa di Makassar menghadapi masalah dalam menghidupkan semula ritual keagamaan. Kajian oleh Bahrin (2003) mendapati orang Tionghoa di Makassar menghadapi masalah untuk menghidupkan kembali ritual Chong Yen Cie iaitu sembahyang arwah atau lazim disebut dengan tradisi beri beras yang telah pupus. Selain dari itu terdapat juga ritual Cong Cin Cie tentang tradisi makan kue bulan, ritual Chong Yan Cie berkenaan dengan sembahyang kelahiran dewa naga dan ritual Tong Tzu Cie merujuk kepada tradisi makan onde kecil berwarna-warni. Sumber rujukan tentang aturcara ritual berkenaan telah pun pupus. Manakala generasi tua sebagai informan telah pun beransur-ansur berkurangan sehingga menghambat upaya menghidupkan kembali ritual keagamaan Tionghoa di Makassar.

Komuniti Tionghoa juga cuba menghidupkan kembali perayaan-perayaan cina. Temubual mendalam terhadap informan Tionghoa mendapati bahawa mereka telah mendapatkan peluang meraihkan perayaan Tahun Baru Cina (Imlek) dan Tcap Goh Meh secara besar-besaran. Mantan presiden Megawati pula telah menguatkuasakan perayaan Imlek sebagai hari libur nasional. Orang Tionghoa bandar Padang telah mendapatkan peluang menikmati penyambutan perayaan Tahun Baru Cina yang dilengkapi dengan tradisi pemasangan lampu lampion. Sempena perayaan ini juga menyediakan aneka makanan khas kaum Tionghoa Padang seperti lontong Tcap Goh Meh yang telah lama ditinggalkan. Temubual mendalam terhadap informan asal Tionghoa mengakui bahawa mereka telah lama meninggalkan tradisi saling kunjung-mengunjungi semasa perayaan Imlek sehingga tradisi

jamuan lontong Tcap Goh Meh sebagai hidangan para tetamu Imlek turut pupus. Pasca reformasi telah menghidupkan kembali keberagaman budaya yang terkandung dalam perayaan kaum Tionghoa bandar Padang.

Perayaan Imlek ini berpusat di kawasan Pecinaan kerana majoritinya kaum Tionghoa bermukim di kawasan Pecinaan Padang Barat. Manakala UNESCO juga telah menguatkuasakan kawasan Pecinaan sebagai salah satu pusat peninggalan bersejarah di bandar Padang sehingga kawasan Pecinaan telah pun menjadi salah satu tumpuan pelancong sama ada pelancong lokal atau pun asing. Seiring dengan adanya perayaan Imlek di kawasan Pecinaan maka kawasan ini kian bertambah ramai dikunjungi. Informan asal Tionghoa menjelaskan bahawa pihak pemerintahan bandar Padang telah menjadikan perayaan Imlek sebagai salah satu tarikan pelancong bandar Padang. Perkara ini menunjukkan pemerintahan bandar Padang tidak lagi mempersepsikan tradisi perayaan Imlek dengan isu peristiwa PKI.

Senada dengan itu pula pihak kerajaan bandar Padang juga telah memberikan kebebasan menyambut ritual Peh Cun yang sekian lama terkubur. Rezim kekuasaan Soeharto telah menghentikan tradisi perahu dayung yang berpusat di kawasan sungai Muaro Padang, dinamakan tradisi dayung Palinggam bandar Padang. Kemunculan otonomi daerah telah mendorong pihak pemerintahan bandar Padang untuk memberikan izin kembali mengadakan tradisi perahu dayung. Temubual terhadap informan asal Tionghoa mendedahkan bahawa perayaan Peh Cun dimeriahkan oleh pertandingan perahu dayung yang disertai oleh pasukan perahu dayung asal Indonesia dan luar negara seperti Malaysia dan Singapura.

Selain dari itu, kaum Tionghoa Padang mendapatkan kebebasan membuat persembahan seni tari barongsai di tempat-tempat awam. Kesenian ini tidak hanya diminati kaum Tionghoa sahaja. Sesetengah penduduk tempatan juga ikut menyaksikan persembahan kesenian kaum Tionghoa Padang ini. Temubual mendalam terhadap informan asal penduduk tempatan di kawasan Padang Barat mengakui bahawa mereka ikut menyaksikan perarakan-perarakan Taopekong, ular naga, busana cina dan perarakan alat muzik Tionghoa yang diarak sepanjang 5 kilometer di sepanjang Muara Padang. Informan mengakui mereka merasa terhibur ketika berpeluang menyaksikan keunikan budaya Tionghoa yang sekian lama terlarang ditampilkan di tempat awam.

b) Reaksi penolakan penduduk tempatan terhadap upaya menghidupkan semula aksara Mandarin

Orang Tionghoa Padang telah menghidupkan semula budaya leluhur Tionghoa seperti ritual keagamaan, perayaan, kesenian dan penggunaan nama Tionghoa. Aktiviti ini terkesan berjalan lancar kerana tidak adanya sebarang reaksi penolakan oleh penduduk tempatan. Seolah-olah penduduk tempatan menerima kewujudan ritual keagamaan, perayaan, kesenian dan penggunaan nama Tionghoa berkenaan. Secara sedar atau tidak disedari muncul reaksi penolakan oleh sesetengah penduduk tempatan terhadap upaya menghidupkan semula aksara Mandarin. Hal ini terlihat dengan adanya reaksi penolakan oleh penduduk tempatan terhadap penggunaan aksara Mandarin pada bangunan gerbang Hok Tek Tong (HTT). Reaksi penolakan ini difahami sebagai ekoran dari masalah streataip dan prasangka terhadap aksara Mandarin di mana mereka menilai bahasa Mandarin dianggap mengandungi unsur komunisme.

Temubual mendalam terhadap informan Tionghoa menjelaskan bahawa :

...Kami menilai bahawa penduduk tempatan tidak bersetuju terhadap penggunaan aksara Mandarin pada bangunan gerbang HTT ini. Penduduk tempatan meyakini bahawa bahasa Mandarin ini mengandungi fahaman komunisme sehingga mereka melakukan segala upaya dan alasan untuk menghapuskan aksara Mandarin.

Memandangkan penduduk tempatan merasa tidak puas hati terhadap pemasangan aksara Mandarin pada bangunan gerbang HTT tersebut maka mereka cuba membuat aduan agar pihak penguasa mengambil tindakan undang-undang terhadap penggunaan aksara Mandarin tersebut. Merujuk kepada aduan dari penduduk tempatan tersebut maka pihak kerajaan bandar Padang mengambil tindakan agar kubu Tionghoa melepaskan aksara Mandarin pada bangunan gerbang HTT berkenaan. Namun demikian kubu Tionghoa tidak mengikuti arahan pihak penguasa. Selanjutnya pihak penguasa cuba meruntuhkan bangunan gerbang HTT tersebut dengan alasan tidak memiliki surat Izin Mendirikan Bangunan (IMB) dari jabatan perbandaran bandar Padang. Memandangkan bangunan gerbang HTT tidak memiliki IMB maka akhirnya bangunan gerbang HTT terpaksa diruntuhkan pihak penguasa sehingga aksara Mandarin pada bangunan gerbang HTT juga dibongkar. Dalam hal ini penduduk tempatan merasa puas hati kerana mereka telah berhasil menghapuskan penggunaan aksara Mandarin pada bangunan gerbang HTT berkenaan.

Upaya menghidupkan kembali aksara Mandarin melalui bangunan Gerbang HTT merupakan bahagian dari bentuk perubahan sosial. Pendapat Gillin dan Gillin (1954) perubahan sosial cenderung melahirkan reaksi oleh sesetengah masyarakat kerana mereka masih merasa asing terhadap kewujudan perubahan yang berlaku. Sesetengah ahli masyarakat akan melakukan penolakan terhadap perubahan sosial tersebut kerana mereka belum terbiasa dengan perkembangan yang berlaku. Senada dengan itu, Berry (1965) bersamaan dengan itu pula reaksi penolakan oleh sesetengah masyarakat dipicu oleh perkara masalah stereotaip dan prasangka. Masalah stereotaip dan prasangka telah mendorong individu atau kelompok etnik untuk menolak perubahan sosial yang dianggap boleh mengancam keselamatan mereka.

c) Proses kemunculan masalah stereotaip dan prasangka tentang komunisme terhadap budaya Tionghoa

Pada mulanya Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI) memberikan peluang berkembangnya fahaman komunisme dalam era orde lama. Hal ini terlihat dengan adanya konsep Nasakom yang dikuatkuasakan bekas presiden Soekarno. Mcvey (2010) rezim kekuasaan Soekarno mengamalkan konsep Nasakom (nasionalis, agamais dan komunis) bagi mengekalkan kekuasaannya. Memandangkan kumpulan PKI telah melakukan upaya perebutan kekuasaan yang sah (kudeta) maka presiden Soekarno mengarahkan kepada Jeneral Soeharto untuk menumpaskan berkembangnya PKI di Indonesia. Bagi menghentikan berkembang fahaman komunisme di Indonesia maka rezim kekuasaan Soeharto cuba melarang berkembangnya ajaran komunisme melalui Ketetapan MPRS nombor 25 tahun 1966. Kebijakan ini telah pun memberikan impak negatif terhadap masyarakat. Hujah Purdey (2006) masalah stereotaip dan prasangka dibangun oleh kebijakan-kebijakan rezim kekuasaan Soeharto sehingga memicu munculnya gerakan anti Tionghoa. Pemerintahan orde baru menilai rezim kekuasaan Soekarno telah menjalin hubungan baik dengan negara RRT pada ketika itu. Untuk menghentikan berkembangnya ideologi komunis di Indonesia maka rezim kekuasaan Soeharto telah memutuskan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Tiongkok (RRT) kerana dianggap telah memberikan kerjasama terhadap pergerakan gerakan 30 September 1965 (G 30 S/PKI).

Keterlibatan negara RRT dalam G 30 S/PKI difahami sebagai proses permulaan munculnya stereotaip dan prasangka terhadap budaya Tionghoa. Penduduk tempatan mula menaruh prasangka dan stereotaip terhadap kaum imigran Tionghoa mereka berasal negara yang menerima pakai fahaman komunisme (Mcvey 2010). Proses kemunculan masalah stereotaip dan prasangka terhadap budaya Tionghoa mula bertambah kuat apabila pemerintahan orde baru mula membatasi masuknya imigran Tiongkok ke Indonesia. Suryadinata (1984) rezim kekuasaan Soeharto melarang kedatangan tenaga pengajar asal imigran Tionghoa masuk ke Indonesia. Kebijakan pemerintahan orde baru memberikan implikasi munculnya jarak sosial antara penduduk tempatan dengan kaum Tionghoa ekoran peristiwa G 30 S/PKI.

Proses kemunculan masalah stereotaip dan prasangka terhadap budaya Tionghoa kian bertambah kukuh lagi apabila pemerintahan Indonesia mendapati adanya keterlibatan orang Tionghoa dalam G 30 S/PKI. Melly (1981), pasukan Tentara Nasional Angkatan Darat (TNI-AD) dipimpin Jenderal Soeharto telah berhasil menangkap ahli-ahli yang terbabit dalam G 30 S/PKI di mana Subandrio (Siauw Giok Tjan) asal orang Tionghoa telah pun ditahan. Mahkamah menetapkan Siauw Giok Tjan terbabit dalam PKI sehingga beliau ditahan selama 13 tahun penjara. Di samping itu, Mcvey (2010) menerangkan Tan Ling Djie asal orang Tionghoa yang juga pernah menjadi pemimpin organisasi PKI. Penglibatan orang-orang Tionghoa dalam G 30 S/PKI telah menambah keyakinan di kalangan penduduk tempatan bahawa budaya Tionghoa boleh mengancam generasi Indonesia.

Seiring dengan peristiwa hangatnya isu G 30 S/PKI pada ketika itu maka pemerintahan orde baru juga telah menguatkuasakan Instruksi Presiden nombor 14 tahun 1967 tentang pelarangan pengekalan budaya Tionghoa di Indonesia. Orang Tionghoa tidak lagi mendapatkan peluang menjalankan ritual keagamaan, perayaan, kesenian, bahasa dan penggunaan nama Tionghoa (Suryadinata 1984). Kebijakan pelarangan ini telah menimbulkan masalah stereotaip dan prasangka terhadap segala bentuk yang berbau cina. Penduduk tempatan meyakini agar setiap individu perlu menjauhi budaya Tionghoa kerana budaya Tionghoa dianggap mengandungi fahaman komunisme. Serangkaian kebijakan demi kebijakan pihak penguasa terhadap budaya Tionghoa difahami telah memicu munculnya proses stereotaip dan prasangka terhadap budaya Tionghoa. Mengikut Prabowo (1998) masalah stereotaip dan prasangka cenderung menghambat berlakunya sesebuah perubahan sosial. Masalah stereotaip dan prasangka telah mendorong munculnya reaksi penolakan oleh sesetengah penduduk tempatan terhadap perubahan.

d) Indikasi kebangkitan komunisme dan masalah stereotaip dan prasangka

Isu kebangkitan kembali fahaman marxisme-leninisme telah menjadi perbincangan hangat diperkatakan dalam era pemerintahan orde reformasi. Siaran langsung dari Tvone dalam program *Indonesia Lawyers Club* (ILC) edisi September 2015 cuba mengangkat tema “Perluakah Pemerintahan Indonesia Meminta Maaf Kepada PKI”. Peserta ILC, Prof Salim Said dan Tjipta Lesmana dari bidang komunikasi politik menolak keras agar NKRI tidak perlu meminta maaf kepada PKI kerana ungkapan maaf kepada PKI boleh menimbulkan stereotaip dan prasangka tentang pembenaran fahaman komunisme di Indonesia. Pada masa yang sama, anak bekas ketua PKI, Ilham Aidit mendorong agar pemerintahan Indonesia meminta maaf kepada keluarga bekas PKI kerana gerakan PKI merupakan peristiwa masa lalu yang perlu dihapuskan. Perdebatan ini menyimpulkan agar bangsa Indonesia dan anak-

anak bekas PKI melakukan upaya saling memaafkan demi menata masa hadapan Indonesia yang jauh ke hadapan.

Merujuk kepada program *Tvone* di atas mendapati bahawa isu kebangkitan komunisme mula berkembang seiring dengan adanya aktiviti menghidupkan semula budaya Tionghoa di bandar Padang. Temubual mendalam informan asal penduduk tempatan menegaskan bahawa isu indikasi kebangkitan komunisme yang diperdebatkan dalam program ILC perlu menjadi bahan pertimbangan pihak kerajaan. Pihak kerajaan perlu memfokuskan kenapa isu kebangkitan komunisme berlaku ketika adanya aktiviti kebangkitan semula budaya Tionghoa di Indonesia. Penduduk tempatan bandar Padang mengalu-alukan agar pihak penguasa perlu memberikan tumpuan perhatian terhadap perkembangan semasa tentang gerakan organisasi yang memiliki keterkaitan dengan corak fahaman komunisme. Pernyataan penduduk tempatan bandar Padang di atas menunjukkan kaum penduduk tempatan menolak keras adanya gerakan kebangkitan semula budaya leluhur Tionghoa.

Amir dan Mahjoeddin (1979), pada asasnya penduduk tempatan bandar Padang telah lama hidup berdampingan dengan orang Tionghoa. Sewajarnya penduduk tempatan bersikap terbuka dan menerima kehadiran budaya Tionghoa di bandar Padang. Merujuk kepada sejarah mendapati kehadiran kaum peranakan Tionghoa di bandar Padang telah mempererat hubungan kedua etnik sejak era awal kedatangan imigran Tionghoa ke bandar Padang. bahkan penduduk tempatan telah menerima pakai budaya imigran Tionghoa. Hujah Anwar (1999) penduduk tempatan bandar Padang telah menerima pakai keberadaan budaya Tionghoa sejak puluhan abad yang lalu. Hal ini terlihat dengan adanya pakaian pengantin masyarakat penduduk tempatan bandar Padang terbuat dari kain emas dan dijahit menggunakan benang emas yang berasal dari negeri Tiongkok.

Proses asimilasi dan adaptasi budaya melalui corak pakaian pengantin masyarakat Minangkabau ini menunjukkan adanya hubungan baik antara nenek moyang orang Minang dengan pedagang asal Tionghoa. Walaupun mereka telah lama menerima pakai budaya Tionghoa dan hidup berdampingan namun hubungan interaksi kedua etnik ini masih diwarnai oleh masalah stereotaip dan prasangka isu komunisme. Seolah-olah masalah stereotaip dan prasangka tentang komunisme terhadap budaya Tionghoa sukar untuk dihapuskan dan diawarisi secara turun-temurun. Berry (1965) fakta sejarah boleh menjejaskan hubungan interaksi antar etnik terutama bukti sejarah yang berkaitan dengan peristiwa kekerasan atau pun pembunuhan, dikenali dengan "sejarah hitam". Sejarah hitam difahami telah memicu munculnya jurang pemisah antar etnik sehingga melahirkan jarak sosial antar etnik. Fakta sejarah hitam seperti peristiwa G 30 S/PKI telah memicu munculnya jarak sosial antara penduduk tempatan dengan kaum Tionghoa sehingga munculnya masalah stereotaip dan prasangka.

Temubual mendalam terhadap informan asal Tionghoa mendedahkan bahawa orang Tionghoa bandar Padang pernah terbabit dalam gerakan PKI tahun 1965. Pada masa yang sama, temubual mendalam terhadap informan asal penduduk tempatan mendedahkan bahawa para leluhur mereka menceritakan kepada informan tentang adanya keterlibatan orang Tionghoa dalam PKI sehingga mereka melarikan diri ke negara lain dari penangkapan askar. Mereka pindah ke negara Malaysia dan Singapura untuk menghindari dari penangkapan TNI-AD. Keterlibatan orang Tionghoa bandar Padang dalam gerakan PKI telah menimbulkan masalah stereotaip dan prasangka oleh penduduk tempatan terhadap budaya Tionghoa bandar Padang. Seiring dengan adanya program ILC yang membincangkan tentang indikasi

kebangkitan komunisme maka secara langsung dan tidak langsung penduduk tempatan meyakini bahawa kebangkitan isu fahaman komunisme ekoran kebangkitan budaya Tionghoa.

Bangsa ini tidak boleh menduga kapan dan bila masanya akan meletus peristiwa PKI tersebut kerana gerakan PKI merupakan sebuah gerakan yang bersifat laten (tersembunyi). Kekhawatiran bangkitnya indikasi pergerakan PKI telah melahirkan sikap kekecewaan oleh masyarakat terhadap pihak penguasa. Pihak penguasa dianggap telah menguatkuasakan kebijakan yang pro komunis sehingga telah memberikan peluang terjadinya indikasi kebangkitan pergerakan PKI. Fakta sejarah membuktikan bahawa keberadaan budaya Tionghoa sering dikaitkan dengan fahaman komunisme. Sehubungan dengan itu, muncul kebijakan pemerintahan orde baru untuk menguatkuasakan Ketetapan MPRS nombor 25 tahun 1966 tentang pelarangan fahaman komunisme di Indonesia. Muncul pula kekhawatiran oleh masyarakat terjadinya pencabutan Ketetapan MPRS nombor 25 tahun 1966 berkenaan.

Temubual mendalam terhadap informan penduduk tempatan menerangkan :

...Pemerintahan Indonesia telah memberikan kebebasan kepada orang Cina Padang menghidupkan kembali budaya leluhur yang sememangnya budaya mereka dianggap mengandungi fahaman komunisme. Kami merasa khawatir apabila pada suatu saat nantinya pemerintahan Indonesia akan mencabut Ketetapan MPRS nombor 25 tahun 1966 sehingga kaum remaja diberikan peluang untuk mendalami fahaman marxisme-leninisme di nusantara ini.

Temubual mendalam terhadap informan penduduk tempatan menunjukkan adanya kekhawatiran di kalangan penduduk tempatan munculnya upaya pencabutan terhadap Ketetapan MPRS nombor 25 tahun 1966. Selanjutnya, terdapat juga beberapa bukti indikasi kebangkitan PKI yang lainnya yang bersumber dari mantan wakil gubernur DKI Jakarta, Brigjend Purn Priyanto. Temubual Tvone terhadap Priyanto mendedahkan tentang beredarnya buku dengan tajuk “Aku bangga jadi anak PKI” yang diterbitkan pada tahun 2002. Penerbitan buku-buku ini menunjukkan bahawa anak-anak mantan PKI telah mula menunjukkan keberanian kepada masyarakat awam tentang eksistensi komuniti mereka. Indikasi kebangkitan PKI juga terlihat dengan adanya pertemuan anak-anak mantan PKI di luar kota. Bahkan Brigjend tersebut mendedahkan bahawa ramai di antara anak-anak dan tokoh asal mantan PKI belajar partai komunis ke negeri China.

Selain dari itu, berita Tvone mendedahkan bahawa Partai Demokrasi Indonesia Perjuangan (PDI-P) telah menerima kunjungan dari partai komunis Tiongkok (CPC) pada akhir 2012. PDI-P juga mengirimkan 15 orang kadernya ke Tiongkok untuk mengenyam pembelajaran di partai CJC tersebut. Kerjasama ini bertujuan untuk melakukan studi banding tentang segala bentuk masalah pembangunan. Pembelajaran ini dinamakan pembelajaran pembangunan akar rumput bagi partai PDI-P. Pendedahan Tvone tentang berita ini mendapatkan tindak balas dari simpatisan PDI-P. Ahli PDI-P meminta agar Tvone melakukan klarifikasi tentang berita yang dipublikasikan melalui siaran Tvone berkenaan. Partai PDI-P menolak adanya tuduhan bahawa ahli PDI-P merupakan kader politik yang berasal dari PKI.

Temubual mendalam terhadap informan penduduk tempatan menegaskan :

...Indikasi tentang kebangkitan PKI telah bermunculan seiring dengan adanya kebebasan mengekalkan budaya leluhur Tionghoa. sepertimana yang dinyatakan oleh

pemerintahan orde baru dalam Instruksi Presiden nombor 14 tahun 1967 tentang pelarangan terhadap segala aktiviti yang berbau cina. Sehubungan dengan itu kami mengharapkan agar pemerintahan orde reformasi cuba mengkaji semula kebijakan tentang kebebasan mengekalkan budaya leluhur Tionghoa kerana kebebasan mengekalkan budaya Tionghoa sama erinya memberikan kebebasan berkembangnya ideologi PKI.

Seiring dengan adanya indikasi kebangkitan PKI maka Brigjend Purn Priyanto menegaskan agar masyarakat Indonesia perlu waspada terhadap bahaya laten PKI kerana gerakan PKI boleh meletus bila-bila masa tanpa boleh dijangkakan. Pemerintahan Indonesia perlu melancarkan program “Kewaspadaan Nasional” untuk menangani isu kebangkitan fahaman komunisme agar kaum remaja tidak terbawa arus menerima ideologi PKI sebagai pegangan mereka. Isu kebangkitan komunisme mula hangat diperkatakan bermula sejak era pemerintahan orde reformasi. Manakala peristiwa kebangkitan semula budaya Tionghoa di bandar Padang juga berlaku semasa pemerintahan orde reformasi. Hal ini menimbulkan kekhawatiran penduduk tempatan bandar Padang bahawa kebangkitan semula budaya Tionghoa boleh diwarnai oleh pergerakan PKI yang bersifat tersembunyi. Ditambah lagi fakta sejarah menunjukkan bahawa budaya Tionghoa dipersepsikan mengandungi ajaran komunisme sepertimana yang dinyatakan pemerintahan orde baru. Aktiviti kebangkitan semula budaya Tionghoa di bandar Padang telah berhadapan dengan masalah ekor masalah stereotaip dan prasangka oleh penduduk tempatan terhadap budaya Tionghoa. Allport (1951) berhujah perkara stereotaip dan prasangka memiliki kaitan dengan fakta sejarah di mana dalam sejarah panjang terkandung peristiwa-peristiwa yang boleh mengarah kepada terciptanya stereotaip dan prasangka. Konsep stereotaip dan prasangka tersebut adakalanya bersifat benar atau pun salah. Masalah stereotaip dan prasangka terhadap upaya menghidupkan semula budaya leluhur Tionghoa telah menghambat orang Tionghoa Padang dalam menjalankan kegiatan kebangkitan kembali budaya leluhur.

e) Langkah penyelesaian terhadap masalah yang menghambat upaya menghidupkan semula budaya Tionghoa Padang

Penduduk tempatan perlu bersikap terbuka untuk menerima sebuah perubahan sosial yang berlaku. Perubahan sosial ini terlihat dengan adanya keberagaman budaya yang dihasilkan oleh kebangkitan semula budaya Tionghoa. Upaya menghidupkan semula budaya Tionghoa Padang tidak hanya boleh menambah keberagaman budaya. Namun kebangkitan semula budaya Tionghoa boleh memajukan industri pelancongan. Sehubungan dengan itu, penduduk tempatan perlu beransur-ansur menghilangkan prasangka dan stereotaip tentang isu komunisme terhadap budaya Tionghoa Padang. Pada masa yang sama, penduduk tempatan boleh melibatkan diri untuk mengenalpasti perkara sebenar yang terkandung dalam keberagaman budaya Tionghoa berkenaan.

Pemerintahan bandar Padang perlu membina program “Kewaspadaan Nasional” untuk menghindari terjadinya bahaya laten PKI. Pergerakan PKI boleh meletus bila-bila masa sahaja. Institusi pemerintahan memiliki kuasa untuk mentadbir dalam menguatkuasakan sesebuah kebijakan (Russel 1938). Dalam hal ini pihak penguasa perlu mencari formula yang berkesan agar kaum remaja terutama remaja Tionghoa tidak menghidupkan kembali gerakan PKI sehingga boleh menimbulkan huru hara di bandar Padang. Selain dari itu, pemerintahan bandar Padang perlu mengenalpasti gerakan kebangkitan semula budaya Tionghoa di bandar Padang tidak ditumpangi oleh ahli-ahli mantan PKI sehingga boleh memberikan laluan

mudah bangkitnya kembali gerakan PKI. Pihak kerajaan perlu bekerja keras untuk memastikan upaya menghidupkan semula budaya Tionghoa berjalan dengan lancar tanpa mendatangkan ancaman keamanan masyarakat bandar Padang sepertimana yang dikhawatirkan penduduk tempatan Padang berkenaan.

Orang Tionghoa perlu menjalankan aktiviti menghidupkan semula budaya leluhur sesuai dengan undang-undang yang berlaku. Orang Tionghoa bandar Padang dibenarkan untuk mendatangkan tenaga pengajar dari Tiongkok namun bukan bererti orang Tionghoa bandar Padang iut serta mendalami ilmu komunis dari parti komunis asal RRT sepertimana yang berlaku dalam partai PDI-P. Langkah-langkah dan pendekatan ini diharapkan boleh memperlancar aktiviti menghidupkan semula budaya Tionghoa. Langkah dan strategi penyelesaian ini dijangkakan boleh memperlancar upaya menghidupkan semula budaya Tionghoa di bandar Padang sepertimana yang termaktub dalam konsep otonomi daerah. Pendekatan penyelesaian masalah ini juga bertujuan untuk menghilangkan masalah stereotaip dan prasangka oleh penduduk tempatan sehingga perkara ini boleh memberikan laluan mudah untuk menghidupkan kembali budaya leluhur Tionghoa Padang, Sumatera Barat, Indonesia.

KESIMPULAN

Indikasi kebangkitan fahaman komunisme mula hangat diperkatakan sejak adanya kebebasan menghidupkan semula budaya Tionghoa di bandar Padang sehingga penduduk tempatan bandar Padang merasa khawatir akan berlakunya kebangkitan semula komunisme. Fakta sejarah membuktikan bahawa budaya Tionghoa dianggap mengandungi fahaman komunisme sepertimana yang dikuatkuasakan pemerintahan orde baru. Ekoran dari semua perkembangan ini maka penduduk tempatan bandar Padang menaruh prasangka dan stereotaip tentang adanya kebangkitan semula budaya Tionghoa boleh ditumpangi oleh pergerakan PKI. Reaksi penduduk tempatan difahami telah menghambat upaya menghidupkan semula budaya Tionghoa di bandar Padang. Untuk menyelesaikan masalah ini maka penduduk tempatan perlu bersikap terbuka menerima aktiviti menghidupkan semula budaya Tionghoa. Pada masa yang sama, penduduk tempatan perlu mengurangi prasangka dan stereotaip terhadap kegiatan kebangkitan semula budaya Tionghoa kerana keberadaan budaya Tionghoa juga merupakan bahagian dari kebudayaan nasional sehingga boleh memberikan sumbangan terhadap pembangunan bangsa. Pihak penguasa pula perlu melancarkan program “Kewaspadaan Nasional” untuk menghindari kaum remaja dari pengaruh ideologi marxisme-leninisme yang sememangnya telah bercanggah dengan Pancasila. Manakala kaum Tionghoa pula perlu menjalankan aktiviti menghidupkan semula budaya leluhur agar tidak ditumpangi oleh gerakan PKI sehingga boleh mengancam keselamatan Negara Kesatuan Republik Indonesia.

RUJUKAN

- Agus, D. (2006). *Reformasi birokrasi publik di Indonesia*. Yogyakarta: UGM Press.
- Allport, G. W. (1951). *The nature of prejudice*. Boston: Beacon Press.
- Amir & Mahjoeddin. (1979). *Suatu sketsa tentang sejarah China di Padang*. Padang: IKIP.

- Anwar, S. A. (1999). *Pengaruh budaya Tionghoa dalam Sulaman Minangkabau*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Bahrin, S. (2003). *Menghidupkan tradisi Tionghoa/Cina di Makassar*. Makassar: Baruga Nusantara.
- Barton, G. (2000). *The authorized biography of Abdurrahman Wahid*. Terj. Yogyakarta: LKiS.
- Berry, B. (1965). *Race and ethnic relations*. Boston: Houghton Mifflin.
- Boas, F. (1940). *Race, language and culture*. New York: Double-day.
- Damsar. (2005). The perception of the problem of local autonomy; respons of West Sumatera to the implementation of the law no.22/ 1999. *Jurnal Universitas Andalas Press*, 12, 12-15.
- Erniwati. (2007). *Asap hio di ranah minang: komunitas Tionghoa di Sumatera Barat*. Yogyakarta: Yayasan Nabil.
- Gillin, J. L & Gillin, J. P. (1954). *A revision of an introduction to sociology*. The Macmillan Company: New York.
- Gunawan, V. (2012). *Sekilas tentang adat dan budaya Tionghoa di Indonesia*. Padang: Jasa Mandiri.
- Mcvey, R. (2010). *Kemunculan komunisme Indonesia*. Jakarta: Komunitas Bambu.
- Melly, G. T. (1981). *Golongan etnis Tionghoa di Indonesia: Suatu masalah pembinaan kesatuan bangsa*. Jakarta: PT Gramedia.
- Moedjanto, G. (2000). *Komunisme dan Pancasila*. Jakarta: Kompas.
- Neuman, W. L. (2008). *Basics of social research methods: qualitative and quantitative approach*. Boston: Pearson Education Inc.
- Prabowo, B. (1998). *Stereotaip, asimilasi, integrasi sosial*. Jakarta: PT Pustaka Grafika Kita.
- Purdey, J. (2006). *Anti Chinese violence in Indonesia in 1996-1998*. Singapore: Singapore University Press.
- Russell. (1938). *Power*. London: George Allen & Unwiyn.
- Sadeli, E. (1997). *Larangan aksara Tionghoa di Indonesia melanggar hak asasi manusia (HAM)*. Jakarta: Perpustakaan Nasional RI.
- Salim, A. (2006). *Stratifikasi etnik: kajian mikrososiologi interaksi etnis Jawa dan Cina*. Yogyakarta: Tiara Wacana.

Schaefer, R. T. (2003). *Racial and ethnics group*. New Jersey: Upper Saddle River.

Skinner, G. W. (1963). *The Chinese minority in Indonesia*. New York: Mc.Vey.

Suryadinata, L. (1984). *Dilema minoritas Tionghoa*. Jakarta: Grafiti Press.

Delpa bin Yunus & Rahimah Abdul Aziz

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran,

Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence : Delpa bin Yunus

email : starring342014@gmail.com